



New Straits Times

Titisan darah Bukit Chandu

Kosmo m/s 22 16.2.07

Pertempuran yang berlaku hampir 65 tahun lalu, di Singapura telah mengangkat satu nama besar iaitu Leftenan Muda Adnan Said. Allahyarham berjaya mengekang serangan tentera Jepun sebelum terkorban di hujung benet musuh.

BIARPUN Pertempuran Bukit Chandu hanya secebis daripada beberapa pertempuran semasa Perang Dunia Kedua di Tanah Melayu, tetapi ia meninggalkan signifikan besar dalam sejarah ketenteraan negara. Atas semangat mempertahankan tanah air, Leftenan Muda Adnan bersama anggotanya bersemadi tanpa kubur di kawasan bukit berkeluasan beberapa meter persegi itu.

Semasa di zaman kanak-kanak, kisah keberanian Leftenan Muda Adnan yang dijadikan teks buku sekolah rendah begitu menarik minat penulis sehingga dibaca berulang kali. Adnan, anak kelahiran Kampung Sungai Ramal, Kajang, Selangor ini lahir pada tahun 1915 dan menyertai Skwad Ketiga Pasukan Percubaan Askar Melayu tahun 1933 dengan nombor perkhidmatan tentera 90 (anggota ke 90 menyertai Askar Melayu).

Daripada berpangkat prebet hingga sarjan, setelah lima tahun berkhidmat Adnan akhirnya terpilih untuk ditauliahkan sebagai pegawai lalu ditempatkan ke Kompeni C, Batalion Pertama Rejimen Askar Melayu. Menjelang Perang Dunia Kedua, pasukannya berpindah ke Singapura bagi mengikuti latihan peperangan sehinggalah serangan tentera Jepun ke atas Tanah Melayu pada 8 Disember 1941.

Rejimen Askar Melayu hanya berke-

kuatan 1,400 anggota dengan dua batalion infantri (Batalion Pertama Askar Melayu dan Batalion Kedua Askar Melayu) bersama beberapa pegawai Melayu termasuk yang diserap daripada Tentera Sukarela Negeri-negeri Melayu. Dengan anggota yang kecil, pembabitan mereka dalam peperangan ini terhad sehinggalah membuktikan keperwiraan sebenar semasa Pertempuran Bukit Chandu.

Tewasnya pertahanan di Tanah Melayu memaksa tentera berikat berundur ke Singapura lalu membina pertahanan terakhir di pulau itu dengan 70,000 tenteranya. Tentera Jepun berjaya membuat pendaratan pertama di Singapura pada 8 Februari 1942 pukul 8.45 malam. Walau pun ditentang hebat, namun, sehingga lewat tengah malam lebih kurang 13,000 tentera Jepun berjaya mendarat melalui beberapa paksi pendaratan dan 10,000 lagi sehingga waktu subuh.

Setelah berjaya mengasak pertahanan Kompeni B Batalion Kedua Askar Melayu di Pasir Laba, tentera Jepun ba-

gaimana pun tersentak apabila cubaan mereka untuk membolosi pertahanan di sepanjang Pasir Panjang Ridge yang dipertahankan Kompeni C Batalion Pertama pimpinan Kapten Rix pada 13 Februari gagal. Turut menyertai kompeni ini ialah saki-baki anggota Kompeni A Batalion Pertama, Rejimen Loyal dengan dua *bren-gun carrier* dan tentera Australia.

Kawasan ini menjadi tumpuan tentera Jepun yang sedang mara menyebabkan seluruh kekuatan musuh dari sebelah West Coast Road bertumpu ke situ. Leftenan Muda Adnan bersama anggotanya diarah mempertahankan kawasan tepi laut Pasir Panjang. Kubu-kubu simen dan benteng guni pasir di sini telah pun dibina sebelum perang.

Apabila tentera Jepun mendarat di Tanjung Penjuru di sebelah Jurong pada malam 8 Februari, platun Adnan diarah bertahan di Per-

matang Pasir Panjang menghala ke darat. Pertempuran hebat berlaku pada 13 dan 14 Februari dan tentangan sengit diberikan oleh anggota Askar Melayu.



ADNAN SAIDI

Dengan sokongan kereta kebal dan pesawat udara, Divisyen Mutagichi Ke-18 melancarkan serangan habis-habisan memaksa pasukan Askar Melayu berundur dan mencari pertahanan baru yang lebih selamat. Keadaan bertambah buruk apabila depot simpanan minyak di Kem Normaton terbakar menyaksikan asap hitam memenuhi ruang angkasa Singapura.

Menjelang tengah malam 13 Februari, Kompeni C diperintahkan berundur lagi ke sebelah timur Permatang Pasir Panjang yang dikenali sebagai Bukit Chandu. Bukit ini mendapat nama kerana terdapat kilang candu milik British bersebelahannya. Kapten Rix yang menyusun pertahanan anggota di sekeliling bukit mengarahkan platun Adnan mengawal ke arah utara.

Hari Sabtu 14 Februari 1942 membuktikan keberanian anggota Askar Melayu yang sebenar. Lebih kurang pukul 2 petang, Kompeni B Batalion Pertama yang bertahan di Kampung Buona Vista diserang tentera Jepun tanpa henti musuh dengan bantuan kereta kebal. Belum pun sempat mereka berundur, tentera Jepun menyerbu pertahanan di sini dan berlakulah pertempuran secara berhadapan menggunakan benet!

Pada masa sama, Leftenan Muda Adnan memberi ingatan kepada anggotanya agar bertahan bermati-matian kerana mereka tidak akan berundur dari Bukit Chandu. Kedudukan pertahanan


mereka di atas tanah tinggi yang agak sederhana menggunakan guni-guni pasir. Dilaporkan masih ada beberapa kubu yang tidak sempat disiapkan ketika mereka digempur tentera Jepun.

Pada masa sama, kedudukan antara Kompeni C dan Kompeni D dipisahkan oleh sebuah parit besar yang kini dipenuhi minyak terbakar yang mengalir dari Kem Normaton. Oleh itu, sebarang usaha untuk berundur agak mustahil kerana terpaksa menyeberangi parit yang terbakar. Pada pagi hari berkenaan, artileri Jepun tidak henti-henti membedil kedudukan pertahanan Kompeni C.

Menjelang tengahari, sepasukan tentera Punjab yang berjalan dalam empat barisan menghampiri pertahanan Askar Melayu di atas bukit itu. Curiga dengan kemaraan tentera Punjab itu, Adnan tanpa berleengah mengarahkan anggotanya melepaskan tembakan menyebabkan 'musuh' menggelongsor menuruni bukit menyelamatkan diri.

Tembakan menyebabkan ramai tentera musuh cedera dan lebih 22 terbunuh, lantas kegagalan menguasai Bukit Chandu menimbulkan kemarahan komander Jepun, Kolonel Saburo yang bertanggungjawab dalam operasi menawan Bukit Chandu.

Kolonel yang berangkat ini mengarahkan pegawainya agar menawan per-



TENTERA Jepun sanggup menggunakan apa cara sekalipun untuk menawan Bukit Chandu.

tahanan Askar Melayu walau apa cara sekalipun dan membunuh semua yang bertahan di atas bukit itu terutamanya pegawai Askar Melayu yang disifatkan sebagai berani.

Leftenan Muda Adnan yang bertahan berhampiran pokok ceri yang rendah telah menjangka musuh akan membuat serangan balas. Tentera Jepun merapati kedudukan pertahanan Askar Melayu sambil dilindungi dengan tembakan mesingan dan mortar walau pun mendapat tentangan hebat.

Laungan semangatnya menambahkan lagi keberanian anggota-anggota lain tanpa mempedulikan situasi waktu itu. Walaupun beberapa batang tubuh tentera Jepun bergelimpangan di tepi-tepi lereng Bukit Chandu, namun gerombolan yang lain terus merangkak mendekati pertahanan Askar Melayu.

Walaupun masih mampu membalas tembakan musuh, tetapi Leftenan Muda Adnan menyedari platunnya tidak mampu mempertahankan Bukit Chandu lebih lama jika serangan Jepun berterusan. Apatah lagi bila menyedari ramai anggotanya terkena tembakan musuh sehingga jumlah mereka tinggal beberapa orang sahaja.

Walaupun tercedera, Leftenan Muda Adnan masih mampu mengendalikan senjata Lewis-gun dan terus menentang kemaraan hebat tentera Jepun. Sedikit demi sedikit anggota pimpinan Mejar Kimura mula mendekati Bukit Chandu. Walaupun merasa tertekan dan dalam kehabisan peluru, tentera Jepun terus mengasak dan akhirnya berjaya mengepung kedudukan Askar Melayu yang bertahan.

Dengan menghunus benet, tentera Jepun terpaksa melakukan pertempuran secara berhadapan sebelum memaksa kemenangan di pihak mereka. Leftenan Muda Adnan yang cedera parah akhirnya tewas dalam pertarungan terakhir ini.

Beberapa tubuh anggota Askar Melayu yang telah meninggal dunia atau cedera terus menjadi mangsa tikaman benet tentera Jepun. Dengan rakus, Leftenan Muda Adnan yang tidak berdaya ditangkap dan dimasukkan ke dalam guni sebelum digantung pada dahan sebatang pokok ceri dalam kedudukan



PANGLIMA Tentera Darat, Jeneral Md. Hashim Hussein bersama Tun Ibrahim Ismail melihat lukisan mural perjuangan Lt. Muda Adnan di galeri berkenaan.

Dengan menghunus benet, tentera Jepun terpaksa melakukan pertempuran secara berhadapan sebelum memaksa kemenangan di pihak mereka. Leftenan Muda Adnan yang cedera parah akhirnya tewas dalam pertarungan terakhir

kepala di bawah manakala kakinya ke atas. Dia ditikam bertubi-tubi dengan benet sehingga tidak bernyawa.

Pertempuran di Bukit Chandu adalah kronologi Perang Dunia Kedua di Tanah Melayu yang cukup tragis, namun tewasnya pertahanan Askar Melayu di

sini tidak bermakna luntarnya semangat keperwiraan mereka.

Selepas tamat perang, kerajaan British telah menganugerahkan Allahyarham pingat keberanian 'Mention In Despatches' dan menaikkan pangkat ke Leftenan sebenar bagi mengenang ke-

beraniannya. Kepahlawanan anggota Askar Melayu mempertahankan Bukit Chandu bukanlah mitos moden.

Mengikuti catatan sejarahwan tempatan (berdasarkan pengakuan anggota yang terlibat dalam peperangan ini), pertempuran terakhir antara Askar Melayu di Bukit Chandu berlaku sehingga 18 Februari walaupun Pemerintah Tertinggi Tentera British Di Tanah Melayu, Leftenan Jeneral Percival mengisytiharkan kekalahan kepada Jepun pada 15 Februari.

Sesungguhnya, riwayat keberanian Leftenan Muda Adnan dan ratusan anggota Askar Melayu lain yang terkorban ketika itu harus menjadi azimat keberanian generasi muda hari ini.